

No. Rujukan : FELDA.UKK.100-7/3/4(1)  
Tarikh : 6 Januari 2020

**Timbalan Pengarah Besar  
Semua Pengarah Jabatan/Ketua Unit  
Semua Pengurus Besar Wilayah**

YBhg. Dato'/Tuan/Puan

### **PENGGUNAAN MANUAL IDENTITI KORPORAT**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Manual Identiti Korporat FELDA telah disediakan sebagai garis panduan kepada setiap petugas FELDA selain menjaga imej korporat FELDA sebagai sebuah agensi pembangunan tanah yang disegani. Manual Identiti Korporat ini merangkumi perkara seperti penggunaan logo, templat pembentangan, templat kad rasmi, templat penyediaan surat dan memo, komunikasi digital serta panduan bahan promosi dan pemasaran.
3. Sehubungan itu, ketua jabatan perlu memastikan semua petugas menjadikan Manual Identiti Korporat ini sebagai rujukan serta mematuhi standard yang telah ditetapkan untuk memastikan keseragaman sekali gus meningkatkan imej dan kecekapan dalam perkhidmatan.
4. Manual Identiti Korporat ini adalah disertakan bersama. Salinan dalam format pdf juga akan dimajukan kepada semua petugas menerusi e-mel. Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului ucapan terima kasih.

Sekian,

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' DR. OTHMAN HAJI OMAR)**  
Pengarah Besar  
FELDA